

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



TIP

MENAIP MENGUNAKAN KOMPUTER ATAU MESIN TAIP

Nurafida Abdul Talib
Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan, UiTM Cawangan
Terengganu.

Apabila bekerja dengan menggunakan komputer (riba atau desktop) atau mesin taip, kaedah menaip yang betul adalah penting untuk mengelakkan berlakunya sebarang kecederaan anggota badan yang boleh mengakibatkan kesakitan yang serius dan berpanjangan. Berikut adalah tip yang dapat membantu anda semasa menaip:

1. KEDUDUKAN MEJA DAN KERUSI

Keadaan meja mestilah tegap, tidak bergoyang dan permukaan meja serata. Apabila anda dalam posisi duduk, keadaan meja mestilah tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah bersesuaian dengan keselesaan badan. Apabila memilih kerusi pula, sebaiknya pilihlah kerusi yang boleh laras mengikut keselesaan. Paras kerusi mestilah bersesuaian dengan paras meja.

2. KEDUDUKAN BADAN DAN Lengan

Apabila dalam posisi duduk, kedudukan badan mestilah tegak dan selesa. Kedudukan kaki pula, diletakkan di atas lantai. Tidak digalakkan menaip sambil menyandar kerana kelajuan untuk menaip akan terganggu. Sekali sekala menyandar selepas beberapa minit menaip digalakkan untuk mendapatkan keselesaan badan. Kedudukan lengan pula mestilah selaras dengan kedudukan meja. Semasa menaip, lengan tidak boleh diletakkan di tempat rehat lengan pada kerusi.

3. KEDUDUKAN PAPAN KEKUNCI

Kedudukan papan kekunci mestilah berada di tengah-tengah kedudukan badan. Komputer atau mesin taip tidak boleh berada terlalu jauh ke depan permukaan meja dari kedudukan badan kerana ia akan mengganggu kelancaran menaip.

4. KEDUDUKAN JARI

Teknik menaip dengan betul adalah dengan menggunakan kesepuluh jari. Kedudukan jari yang betul semasa menaip adalah dengan menempatkan hujung jari ke butang papan kekunci. Hujung jari bermaksud kawasan atas kuku anda. Jari mestilah sedikit melengkung apabila menaip. Kuku mestilah dalam keadaan pendek untuk mempercepatkan lagi proses menaip. Setiap jari adalah ditempatkan di butang papan kekunci khas masing-masing. Home Keys adalah butang asas untuk menempatkan jari sebelum mula menaip. Jika dilihat dengan teliti, terdapat lekukan pada butang F dan J pada papan kekunci yang mana jari telunjuk perlu diletakkan di situ.

5. KEDUDUKAN MATA

Apabila menggunakan komputer (desktop), sebaiknya skrin berada selaras dengan kedudukan mata. Tetapi apabila menggunakan komputer riba, turunkan pandangan mata sahaja tanpa perlu menundukkan kepala apabila hendak menaip.



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash